

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HKB 315 – Kajian Perbandingan Karya-Karya Klasik
Timur dan Barat**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Sejauhmanakah benarnya pandangan bahawa teknik pengisahan dalam *Quarantine* lebih menarik dari teknik pengisahan yang terdapat dalam *Javid Nama*? Seterusnya, bincang perbezaan penerokaan/perjalanan watak-watak utama dalam karya-karya Goytisolo dan Iqbal yang tersebut.
2. "Song of Solomon" dianggap karya yang mempunyai makna yang berlapis-lapis. Dengan merujuk kepada unsur-unsur yang bersesuaian, bincang lapisan-lapisan makna yang sering dikaitkan dengannya. Pada pendapat anda adakah "Padamu Jua" oleh Amir Hamzah juga mempunyai makna yang berlapis-lapis? Jawab dengan hujah-hujah yang kukuh.
3. Bincang ciri-ciri utama *Hayy Ibn Yaqzan* dan *Robinson Crusoe* sebagai karya utopia individu. Seterusnya, dengan merujuk kepada hujah dalaman dan luaran, bahaskan pendapat bahawa karya Daniel Defoe itu berasaskan karya Ibn Tufayl.

4. Puisi-puisi dalam *Songs of Innocence And Of Experience* dengan jelas memaparkan pandangan dunia William Blake, seorang penyair Romantik-Inggeris-Kristian abad ke-19. Sebaliknya, catatan perjalanan Matsuo Basho dalam karyanya *Narrow Road To The Deep North* menggambarkan pandangan dunia khusus tradisi Jepun-Zen. Walau bagaimanapun, kedua karya ini memaparkan keselarian tema. Bincangkan pernyataan-pernyataan ini dalam konteks tradisi budaya setiap pengarang.
5. Dengan merujuk kepada drama Hindu-Timur yang masyhur *Shakuntala* dan tragedi Yunani-Barat terkenal, yakni *Antigone*, banding dan bezakan perhubungan di antara protagonis wanita dengan raja. Adakah wanita yang berkenaan ditampilkan sebagai pihak "yang tertewas" (*vanquished*) atau pihak "yang menewas" (*victorious*)?

-- oo000oo --